



KERAJAAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
JARINGAN PENYELIDIKAN AWAM-SWASTA
(PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK – PPRN) 2.0**

(BILANGAN 1 TAHUN 2025)

**SEKSYEN PENYELIDIKAN DAN PPRN
BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN
ARAS 13, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Senarai Kandungan

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT UMUM	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kumpulan Sasar	2
1.3 Skop.....	3
1.4 Objektif.....	3
1.5 Komitmen dan Mekanisme Pembiayaan Projek.....	4
1.6 Impak PPRN.....	5
BAHAGIAN 2: KRITERIA PERMOHONAN.....	8
2.1 Syarikat	8
2.2 Penyelidik.....	10
2.3 Kriteria Pertimbangan Permohonan	11
2.4 Peruntukan yang layak dimohon	12
2.5 Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Permohonan	12
BAHAGIAN 3: SARINGAN, PENILAIAN DAN KELULUSAN.....	14
3.1 Proses Saringan, Penilaian dan Kelulusan.....	14
3.2 Projek yang tidak dipertimbangkan.....	15
BAHAGIAN 4: KEPUTUSAN.....	17
4.1 Pemakluman Keputusan	17
4.2 Penyaluran Peruntukan	18
BAHAGIAN 5: PEMANTAUAN.....	19
5.1 Prestasi Kemajuan Projek	19
5.2 Pengurusan Kewangan.....	20
5.3 Permohonan-permohonan Lain Berkaitan Projek	22
5.4 Serahan Hasil Projek.....	23
5.5 Bengkel Pemantauan Projek.....	24
5.6 Projek Bermasalah	25
5.7 Kawalan dan Penalti.....	26
BAHAGIAN 6: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB.....	30
6.1 Peranan dan Tanggungjawab PPP.....	30
6.2 Peranan dan Tanggungjawab Syarikat.....	35
6.3 Peranan dan Tanggungjawab Penyelidik	36
6.4 Peranan dan Tanggungjawab Kementerian.....	38
PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN.....	40
PERTANYAAN	41
GLOSARI	41
LAMPIRAN A.....	i

LAMPIRAN B.....	iii
LAMPIRAN C	iv
LAMPIRAN D	v

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT UMUM

Bahagian ini menyediakan maklumat umum mengenai pelaksanaan Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN). Ia merangkumi maklumat tentang kumpulan sasaran, skop, objektif, komitmen dan mekanisme pembiayaan projek, serta impak pelaksanaan PPRN kepada pihak industri, institusi pendidikan tinggi, dan pihak-pihak berkepentingan yang terlibat.

1.1 Pengenalan

1.1.1 PPRN merupakan inisiatif inovatif oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang memperkenalkan model kerjasama strategik antara pihak industri dan akademik. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, memperkukuh pertumbuhan ekonomi Malaysia, serta menyokong pembangunan bakat melalui program inovasi yang berasaskan permintaan. Dalam konteks ini, KPT bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain akan berperanan sebagai perantara dan pemudah cara strategik bagi menyokong pelaksanaan program atau inisiatif di bawah PPRN.

1.1.2 Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT), PPRN merupakan inisiatif di bawah Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi yang bermatlamatkan pembangunan ekosistem inovasi dalam bidang strategik kritikal yang secara langsung menyuntik kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui pemerkasaan peranan Institusi

Pendidikan Tinggi (IPT) sebagai penyelesai masalah kepada pelbagai pihak berkepentingan. PPRN juga merupakan inisiatif yang menyokong matlamat pembangunan mampan, *Sustainable Development Goals* (SDG). Antara Perincian SDG yang berkaitan adalah:

- (a) Matlamat 8 – Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua.
- (b) Matlamat 9 - Membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian menyeluruh dan mampan, serta menggalakkan inovasi
- (c) Matlamat 12 - Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan

1.2 Kumpulan Sasar

Kumpulan sasar bagi PPRN adalah penyelidik tempatan dari IPT dan Institusi Penyelidikan Awam (*Public Research Institution – PRI*) serta syarikat dari pelbagai sektor ekonomi (PMKS).

1.3 Skop

Skop projek PPRN melibatkan inovasi produk dan inovasi proses seperti yang berikut:

- (a) **Inovasi produk** bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti atau menambah nilai pada produk sedia ada dalam industri, terutamanya yang berteraskan penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan ekonomi.
- (b) **Inovasi proses** bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan proses pengeluaran produk, pengurusan komponen sumber, gudang, logistik, kaedah penghantaran, atau perkhidmatan. Usaha ini dilaksanakan bagi menyelaraskan operasi serta menjadikannya lebih efisien, selaras dengan kemajuan Revolusi Industri 4.0 (*The Fourth Industrial Revolution* – IR 4.0).

1.4 Objektif

Objektif PPRN adalah seperti yang berikut:

- (a) Memperkasakan hubungan jaringan awam-swasta melalui penyediaan penyelesaian (*providing solution*) dari IPT dan PRI kepada industri;
- (b) Meningkatkan produktiviti dan daya saing industri melalui inovasi atau teknologi yang bersesuaian; dan

- (c) Mendorong penglibatan aktif penyelidik dalam membangunkan penyelesaian berasaskan permintaan yang memenuhi keperluan serta cabaran industri secara berkesan.

1.5 Komitmen dan Mekanisme Pembiayaan Projek

1.5.1 PPRN menawarkan geran pepadanan untuk projek inovasi berpacuan permintaan.

1.5.2 Pecahan Komitmen antara PPRN dan syarikat adalah berbeza mengikut saiz syarikat.

1.5.3 Nisbah peratus pecahan komitmen antara PPRN dan syarikat adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Saiz Syarikat	Sumbangan Syarikat	Sumbangan PPRN	Nilai Maksimum Geran	Tempoh Maksimum Geran
Mikro	10%	90%	RM50,000.00	9 bulan
Kecil	30%	70%	RM150,000.00	12 bulan
Sederhana	50%	50%	RM250,000.00	12 bulan
Besar	70%	30%	RM350,000.00	12 bulan

1.5.4 Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN boleh membuat pindaan kepada pecahan komitmen di para 1.5.3 jika perlu secara *case by case basis*.

1.6 Impak PPRN

PPRN memberikan impak secara langsung kepada industri; penyelidik; pelajar; serta pihak kerajaan seperti yang berikut:

1.6.1 Industri

- (a) **Penyelesaian Teknologi Berkesan dan Kos Efektif:** Isu dan cabaran teknologi yang dihadapi oleh industri dapat diselesaikan dengan bantuan pengetahuan serta kepakaran penyelidik tempatan. Pendekatan ini memastikan penyelesaian yang lebih pantas, kos efektif, dan relevan dengan konteks industri tempatan.
- (b) **Peningkatan Produktiviti dan Kualiti:** Melalui penerapan teknologi terkini, industri berupaya meningkatkan produktiviti, memperbaiki kualiti produk, serta mengurangkan kos operasi. Ini termasuk mengoptimumkan proses pengeluaran dan inovasi teknologi yang menyumbang kepada peningkatan daya saing di peringkat domestik dan global.

1.6.2 Penyelidik

- (a) **Aplikasi Langsung Pengetahuan dan Kepakaran:** Penyelidik dapat menerapkan pengetahuan serta kepakaran teknologi mereka secara langsung kepada syarikat. Pendekatan ini memastikan penyelesaian yang

dibangunkan sejajar dengan keperluan industri kerana ia bersifat berpacuan permintaan (*demand-driven*).

(b) Peningkatan Kompetensi Melalui Kolaborasi Industri:

Pengalaman bekerjasama dengan industri memberikan nilai tambah kepada penyelidik, membolehkan mereka menggunakan kes-kes sebenar sebagai bahan kajian dalam pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Hal ini meningkatkan kompetensi penyelidik sebagai tenaga pengajar dan memperkukuh hubungan antara akademik dan industri.

1.6.3 Pelajar

(a) Pendedahan Ilmu dan Kemahiran Praktikal: Pelajar yang terlibat dalam projek PPRN sebagai Pembantu Penyelidik akan memperoleh pengetahuan baharu serta pendedahan langsung kepada penyelesaian permasalahan industri. Pelajar juga akan mendapat kemahiran praktikal yang relevan dengan industri, serta meningkatkan kebolehpasaran mereka selepas tamat pengajian.

(b) Peluang Kerjaya dan Pengambilan oleh Industri: Pelajar yang terlibat dalam projek PPRN berpeluang untuk membina hubungan rapat dengan syarikat yang terlibat. Serta berpeluang untuk dipertimbangkan sebagai calon pekerja oleh syarikat-syarikat tersebut selepas tamat pengajian.

1.6.4 Kerajaan

(a) **Menggalakkan Sumbangan Sektor Swasta dalam RDICE:**

PPRN menggalakkan penyertaan aktif sektor swasta dalam penyelidikan, pembangunan, inovasi, pengkomersialan dan ekonomi (RDICE). Ini mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan, membolehkan sektor swasta mengambil peranan lebih besar dalam memajukan agenda penyelidikan dan inovasi negara, serta mencipta peluang ekonomi baharu melalui kolaborasi dengan akademik dan penyelidik.

(b) **Pewujudan Ekosistem Pengetahuan yang Mesra (*Knowledge-Friendly Ecosystem*):** Melalui PPRN, kerajaan dapat membangunkan ekosistem pengetahuan yang kondusif di Malaysia, melalui penyebaran teknologi dan pengetahuan supaya berkembang dengan lebih pesat. Dengan ini, jurang pengetahuan teknologi antara industri dapat diminimumkan, membolehkan industri untuk terus berkembang dan meningkatkan nilai tambah dalam rangkaian nilai ekonomi negara.

BAHAGIAN 2: KRITERIA PERMOHONAN

Bahagian ini menerangkan dengan lebih terperinci akan kriteria permohonan yang melayakkan syarikat dan penyelidik untuk memohon dana PPRN di samping menjelaskan kriteria-kriteria yang akan diambil kira oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal Dana PPRN sebelum disyorkan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN.

2.1 Syarikat

- (a) Terbuka kepada syarikat dan perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) manakala bagi perniagaan di Sabah dan Sarawak hendaklah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing;
- (b) Syarikat perlu mempunyai peruntukan/memberi pembuktian yang secukupnya untuk membiayai projek.
- (c) Syarikat hendaklah:
 - i. Menunjukkan prestasi bahawa syarikat pernah dinilai oleh mana-mana agensi atau platform seperti SME Corporation Malaysia (SME Corp); Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB); Malaysian Technology Development Corporation (MTDC); Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM); Majlis Amanah Rakyat (MARA); Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC); Malaysian Industry- Government Group for High Technology

(MIGHT); atau agensi-agensi lain yang setaraf (bukti penilaian prestasi perlu disertakan); dan

- ii. Berada dalam kategori syarikat yang berdaya saing dan berdaya maju (rujuk Lampiran C); atau
- iii. Syarikat perlu memiliki Status PMKS.

(d) Pemilikan majoriti warganegara Malaysia (iaitu $\geq 51\%$) (perlu kemukakan *Form 24* bagi syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 **ATAU** Sijil Pengesahan SSM yang mengandungi Maklumat Pengarah dan Maklumat PemegangSyer bagi syarikat yangdiperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016);

(e) Syarikat mesti beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun;

(f) Produk atau perkhidmatan yang hendak ditambah baik atau ditambah nilai di bawah inisiatif PPRN perlu berada di pasaran atau ditawarkan sekurang-kurangnya setahun;

(g) Syarikat yang pernah mendapat dana PPRN perlu menunggu **enam (6) bulan selepas keputusan tamat dengan adaptasi** oleh KPT sebelum membuat permohonan baharu;

(h) Syarikat spin off/*start-up* IPT/PRI tidak boleh bekerjasama dengan penyelidik dari IPT/PRI yang sama; dan

(i) Syarikat perlu mematuhi peraturan - peraturan semasa yang

sedang berkuatkuasa.

2.2 Penyelidik

- (a) Permohonan adalah terbuka kepada semua penyelidik IPT dan PRI;
- (b) Ketua penyelidik merupakan pekerja bertaraf tetap atau berstatus *full-time contract* (untuk IPT swasta), manakala penyelidik boleh bertaraf tetap atau kontrak di IPT dan PRI;
- (c) Tempoh perkhidmatan ketua penyelidik hendaklah berbaki sekurang-kurangnya 24 bulan dari tarikh projek bermula;
- (d) Ketua penyelidik mestilah warganegara Malaysia;
- (e) Penyelidik perlu mempunyai kepakaran, kemahiran atau pengetahuan dalam projek yang dimohon;
- (f) Ketua penyelidik bukan dalam tempoh cuti belajar/sabatikal/menyambung pengajian/latihan industri atau yang setaraf dengannya;
- (g) Penyelidik hanya boleh mengetuai satu (1) projek atau menjadi ahli untuk satu (1) projek pada satu-satu masa. Permohonan khas perlu dibuat kepada KPT untuk kelulusan Jawatankuasa Penilaian Teknikal PPRN jika penyelidik ingin mengetuai atau menjadi ahli lebih daripada satu (1) projek pada satu-satu masa;

- (h) Penyelidik yang mengetuai atau menjadi ahli kepada suatu projek yang masih dalam pelaksanaan tidak dibenarkan memohon projek baharu sehingga surat status projek dikeluarkan oleh KPT;
- (i) Penyelidik tidak mempunyai sebarang konflik yang berkepentingan (*conflict of interest*) dalam syarikat; dan
- (j) Penyelidik yang telah disenarai hitam sebelum ini tidak boleh memohon projek PPRN sehingga tempoh penggantungan tamat.

2.3 Kriteria Pertimbangan Permohonan

- (a) Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan melalui sistem ePPRN (<https://epprn.mohe.gov.my>);
- (b) Keperluan syarikat mestilah jelas dan berasaskan sains dan teknologi bagi tujuan penambahbaikan dan penambahan nilai;
- (c) Jangka masa pelaksanaan projek tidak melebihi 12 bulan;
- (d) Tiada pembiayaan lain bagi projek yang sama;
- (e) Permohonan dan pembiayaan tidak melebihi satu (1) projek pada satu-satu masa;
- (f) Projek mesti dibangunkan di Malaysia; dan

- (g) Bagi projek yang memerlukan kelulusan atau kebenaran agensi/jawatankuasa berkaitan seperti Jawatankuasa Etika, salinan surat kelulusan agensi/jawatankuasa tersebut perlu disertakan.

2.4 Peruntukan yang layak dimohon

- (a) perolehan harta modal seperti mesin dan peralatan (pemilikan dan penempatan aset yang dibeli melalui dana ini mestilah dipersetujui bersama sebagaimana kandungan perjanjian yang ditandatangani oleh IPT dan Industri);
- (b) bayaran upah *research assistant* (mengikut kadar yang ditetapkan oleh IPT masing-masing);
- (c) perolehan bahan mentah untuk program;
- (d) bayaran sewaan;
- (e) tuntutan perjalanan (kerja lapangan atau kutipan data dan lain-lain aktiviti yang berkaitan);
- (f) kos-kos lain tertakluk kepada kelulusan KPT.

2.5 Panduan Penyediaan Kertas Cadangan Permohonan

Pemohon hendaklah mengemukakan kertas cadangan dan slaid pembentangan yang ringkas dan padat berdasarkan format yang ditetapkan seperti yang berikut:

(a) Tujuan

(b) Maklumat permohonan (gambar rajah, grafik dan carta alir lengkap berkaitan projek perlu dilampirkan)

(c) Kesimpulan dan penutup

(d) Lampiran

Kos Projek	Pecahan kos projek
≤ RM100,000	70% bagi kos pembangunan projek 25% bagi kos bayaran profesional penyelidik (termasuk RO/RA) 5% bagi kos pengurusan projek kepada PPP
> RM100,000	RM30,000.00 bagi kos bayaran profesional penyelidik (termasuk Pegawai Penyelidik – RO/Pembantu Penyelidik — RA) RM5,000.00 bagi kos pengurusan projek kepada PPP Peruntukan selebihnya untuk kos pembangunan projek

BAHAGIAN 3: SARINGAN, PENILAIAN DAN KELULUSAN

Bahagian ini mengandungi maklumat berkenaan dengan proses saringan, penilaian dan kelulusan terhadap permohonan yang dikemukakan oleh syarikat atau penyelidik. Syarikat dan penyelidik juga boleh merujuk maklumat tentang projek-projek yang tidak dipertimbangkan untuk diluluskan di bahagian ini sebagai panduan dalam mengemukakan permohonan.

3.1 Proses Saringan, Penilaian dan Kelulusan

3.1.1 Bagi memastikan borang permohonan memenuhi kriteria-kriteria asas yang telah ditetapkan, proses saringan akan dibuat oleh **Sekretariat PPRN** di KPT.

3.1.2 Proses **penilaian dokumentasi** oleh **panel PPRN** melibatkan penilaian terhadap maklumat yang dikemukakan melalui borang permohonan bagi menilai daya maju dan kebolehlaksanaan projek.

3.1.3 Proses **penilaian teknikal** oleh **panel PPRN** melibatkan penilaian ke atas pembentangan projek yang disyorkan oleh penyelidik dan syarikat. Projek yang telah melepasi penilaian teknikal akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal PPRN.

3.1.4 Permohonan projek yang telah dinilai oleh panel PPRN akan

disyorkan ke **Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN** bagi tujuan kelulusan.

3.1.5 Pertimbangan dan syor oleh panel PPRN adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang dinyatakan di **Bahagian 2** garis panduan ini. Kesesuaian **kaedah penyelesaian** yang dicadangkan, **kos** yang lebih efektif dan **tempoh masa** projek yang bersesuaian turut diambil kira.

3.1.6 Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN seterusnya akan mempertimbangkan syor panel PPRN dan meluluskan projek.

3.1.7 Keputusan Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN adalah muktamad.

3.2 Projek yang tidak dipertimbangkan

PPRN menawarkan geran pepadanan untuk projek yang melibatkan inovasi produk dan inovasi proses sahaja. Berikut adalah antara projek yang **TIDAK DIPERTIMBANGKAN** oleh PPRN;

1. Projek yang tidak mempunyai unsur inovasi.
2. Keperluan syarikat yang melibatkan pemasaran dan pengurusan perniagaan.
3. Projek yang berbentuk penyelidikan eksploratif, asas (fundamental) dan prototaip (dibawah < TRL 6).

4. Projek yang berbentuk ujian klinikal sepenuhnya.
5. Projek yang berbentuk perundingan sepenuhnya.
6. Projek yang hanya melibatkan permohonan dan pembayaran untuk mendapatkan pensijilan sahaja seperti halal, ISO dan lain-lain.
8. Perjalanan ke luar negara menggunakan dana PPRN.
9. Projek yang pernah diluluskan dalam mana-mana geran Kerajaan yang lain.

BAHAGIAN 4: KEPUTUSAN

Bahagian ini mengandungi tatacara pemakluman keputusan sama ada sesuatu permohonan itu diluluskan atau sebaliknya. Syarikat dan penyelidik juga boleh mengetahui berkenaan dengan kaedah penyaluran peruntukan bagi permohonan yang telah diluluskan.

4.1 Pemakluman Keputusan

4.1.1 Surat Pemakluman Kelulusan Projek akan dikeluarkan oleh KPT kepada Pusat Pengurusan Projek (PPP) IPT setelah mendapat keputusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN.

4.1.2 PPP perlu mengemukakan salinan bukti penyaluran pembayaran awal (iaitu 20% daripada komitmen syarikat) kepada KPT dalam tempoh 10 hari dari tarikh Surat Pemakluman Kelulusan Projek dikeluarkan.

4.1.3 KPT seterusnya akan mengeluarkan Surat Tawaran Projek kepada IPT/PRI setelah PPP mengemukakan salinan bukti penyaluran pembayaran awal. Pihak PPP perlu mengemukakan Memorandum Perjanjian (*Memorandum of Agreement – MoA*) projek yang telah ditandatangani dan dimatikan setem kepada KPT dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Pemakluman Kelulusan Projek dikeluarkan. Jika KPT tidak menerima salinan MoA dalam tempoh tersebut, kelulusan projek boleh ditarik balik.

4.2 Penyaluran Peruntukan

4.2.1 Penyaluran peruntukan akan dibuat setelah KPT menerima dokumen berikut:

- (a) **Salinan bukti penyaluran pembayaran awal** (iaitu 20% daripada komitmen syarikat) yang perlu dikemukakan kepada KPT dalam **tempoh 10 hari dari tarikh Surat Pemakluman Kelulusan Projek** dikeluarkan; dan
- (b) **Akuan Setuju Terima Projek** yang telah ditandatangani oleh IPT/PRI yang perlu **diserahkan kepada KPT dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh Surat Tawaran Projek**.

4.2.2 KPT akan memaklumkan kepada PPP setelah penyaluran peruntukan dibuat berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN.

BAHAGIAN 5: PEMANTAUAN

Bahagian ini menerangkan aspek pemantauan yang merangkumi prestasi kemajuan projek; pengurusan kewangan; pengurusan permohonan-permohonan lain berkaitan dengan projek; serahan hasil projek; pelaksanaan bengkel pemantauan projek; klasifikasi projek bermasalah; serta kawalan dan penalti yang boleh dikenakan sekiranya syarikat atau penyelidik gagal memenuhi keperluan pemantauan yang digariskan.

5.1 Prestasi Kemajuan Projek

5.1.1 Bagi memastikan geran yang diberikan digunakan sebaiknya, PPP perlu memantau dan menghantar laporan projek (iaitu Laporan Awal Projek – *Inception Report*; Laporan Kemajuan Projek – Interim; dan Laporan Akhir Projek) kepada KPT mengikut tempoh masa seperti yang berikut:

- (a) Laporan Awal Projek – *Inception Report* selewat-lewatnya tiga (3) bulan selepas projek bermula;
- (b) Laporan Kemajuan Projek – Interim pada tarikh seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran projek; dan
- (c) Laporan Akhir Projek dan video pendek berdurasi tiga (3) hingga lima (5) minit yang memberikan penekanan kepada impak projek terhadap hasil produktiviti syarikat pada tarikh seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran projek.

5.2 Pengurusan Kewangan

- i. Dalam pelaksanaan projek PPRN, KPT dan syarikat akan membiayai kos projek mengikut pecahan seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Projek.
- ii. Penyaluran bayaran profesional penyelidik hanya boleh dibuat selepas KPT mengeluarkan surat **berstatus tamat dengan jaya** dan surat **berstatus tamat dengan adaptasi** (*case by case basis*) sahaja. Walau bagaimanapun, kos yang terlibat untuk mengupah RO/RA penyelidik boleh disalurkan semasa pelaksanaan projek.
- iii. PPP perlu memastikan akaun projek di IPT/PRI kekal aktif.
- iv. sehingga surat status projek diterima daripada KPT.
- v. PPP boleh menggunakan peruntukan pengurusan projek bagi perkara-perkara seperti melantik dan membayar kakitangan untuk menguruskan projek PPRN; memantau projek; dan juga untuk tujuan bayaran proses pengurusan harta intelek (*Intellectual Property – IP*).
- vi. Bagi pelaksanaan pengurusan kewangan di peringkat institusi untuk projek PPRN ini, pihak KPT menetapkan kaedah pengurusan kewangan bagi semua projek PPRN seperti para 5.2.2 dan tertakluk kepada peraturan kewangan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

- vii. Bagi melancarkan pelaksanaan projek, penyelidik boleh mendahulukan penggunaan wang sendiri dan membuat tuntutan balik. Walau bagaimanapun, penyelidik perlu mengikut kaedah dan peraturan kewangan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.
- viii. Walau bagaimanapun, penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perbelanjaan selepas tarikh tamat projek kecuali tuntutan perjalanan yang berkaitan dengan projek. IPT/PRI hanya boleh menjelaskan tuntutan kewangan atau komitmen yang telah dikemukakan/dibuat sebelum tarikh tamat projek dan bayaran hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek.
- ix. Penggunaan peruntukan projek bagi tujuan perjalanan ke luar negara dan persidangan adalah **tidak dibenarkan**.
- x. Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan dan dinyatakan dalam kertas cadangan yang diluluskan. Hasil projek yang dibangunkan termasuk peralatan/aset/inventori perlu diserahkan kepada syarikat untuk diguna pakai bagi menyelesaikan permasalahan sains dan teknologi syarikat.
- xi. Sekiranya terdapat keperluan untuk membeli peralatan/aset/inventori/bekalan dan perkhidmatan yang tiada dalam kertas cadangan, permohonan perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan KPT. Ketua Projek perlu memastikan dokumen permohonan yang lengkap dikemukakan kepada PPP masing-masing yang merangkumi justifikasi dan

keperluan pembelian peralatan tambahan berserta dokumen sokongan (jika berkaitan).

5.3 Permohonan-permohonan Lain Berkaitan Projek

Permohonan pertukaran skop/spesifikasi; penambahan kos projek; pertukaran ketua penyelidik; pembelian peralatan yang tiada dalam kertas cadangan; dan pelanjutan tempoh projek melebihi tiga (3) bulan perlu dinilai oleh PPP sebelum dikemukakan kepada KPT dengan justifikasi yang kukuh untuk pertimbangan dan kelulusan.

5.3.1 Pelanjutan Tempoh Projek

- (a) Tempoh maksimum pelanjutan ialah tiga (3) bulan untuk projek yang berdurasi sembilan (9) bulan. Tempoh keseluruhan projek termasuk pelanjutan hendaklah tidak melebihi dua belas (12) bulan;
- (b) Tempoh maksimum pelanjutan ialah enam (6) bulan dengan maksimum tiga (3) bulan bagi setiap permohonan projek yang berdurasi satu (1) tahun. Tempoh keseluruhan projek termasuk pelanjutan hendaklah tidak melebihi 18 bulan;
- (c) Sekiranya penyelidik mendapati projek yang dilaksanakan tersebut tidak selari dengan garis waktu (*timeline*) yang ditetapkan, penyelidik boleh mengemukakan permohonan untuk pelanjutan projek kepada PPP dengan justifikasi yang kukuh bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan:

- i. Jika tempoh pelanjutan yang dimohon tidak melebihi tiga (3) bulan, PPP boleh membuat keputusan;
- ii. Bagi pelanjutan melebihi tiga (3) bulan, penyelidik perlu membuat permohonan menerusi PPP kepada KPT dengan justifikasi yang kukuh serta memenuhi syarat-syarat yang berikut:
 - (1) Penyelidik perlu memohon pelanjutan projek sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tamat tempoh projek;
 - (2) Penyelidik perlu mendapatkan persetujuan permohonan pelanjutan projek bertulis dari syarikat.

5.4 Serahan Hasil Projek

5.4.1 PPP perlu memastikan perkara-perkara yang berikut:

- (a) Penyelidik menyerahkan hasil projek kepada syarikat dan mengemukakan Borang Perakuan Serahan Hasil Projek yang lengkap kepada KPT dalam tempoh 14 hari sebelum tamat tempoh projek;
- (b) Bayaran komitmen oleh syarikat telah diselesaikan sepenuhnya sebelum uji penerimaan pengguna (*user acceptance test* – UAT) berkapasiti penuh dibuat oleh

penyelidik di premis syarikat;

- (c) Manual atau prosedur operasi standard (*standard operating procedure – SOP*) serta latihan untuk hasil projek disediakan oleh penyelidik dan diserahkan kepada syarikat; dan
- (d) Penyelidik hendaklah menambah baik hasil projek dalam tempoh 60 hari dari tarikh serahan projek sekiranya:
 - i. terdapat sebarang kerosakan ke atas sebahagian atau keseluruhan komponen; atau
 - ii. hasil projek tidak berfungsi.

5.5 Bengkel Pemantauan Projek

5.5.1 KPT akan mengadakan bengkel pemantauan projek selepas PPP menyerahkan laporan akhir mengikut tempoh yang ditetapkan.

5.5.2 PPP, penyelidik dan wakil syarikat diwajibkan hadir untuk membentangkan hasil projek di bengkel pemantauan yang diadakan di KPT.

5.5.3 Status projek akan diklasifikasikan seperti yang berikut:

- (a) **Tamat dengan jaya** – semua objektif projek telah tercapai. Hasil projek diadaptasi oleh syarikat dan memberikan

impak positif kepada produktiviti syarikat.

- (b) **Tamat dengan adaptasi** – mencapai sebahagian objektif dan hasil projek telah diadaptasi oleh syarikat.
- (c) **Tamat tanpa adaptasi** – mencapai sepenuhnya atau sebahagian objektif namun hasil projek tidak dapat diadaptasi oleh syarikat. Penyelidik perlu mendapatkan syarikat lain yang bersedia untuk mengadaptasi hasil projek atau menggunakan hasil projek untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (P&P).
- (d) **Gagal** – penyelidik tidak berjaya menyiapkan projek atau tidak mencapai semua objektif projek.

5.5.4 KPT akan mengeluarkan Surat Status Projek setelah berpuas hati dengan pencapaian projek oleh kedua-dua pihak.

5.6 Projek Bermasalah

5.6.1 KPT atau PPP boleh menentukan suatu projek bermasalah berdasarkan kepada keadaan yang berikut:

- (a) Projek yang tidak mempunyai kemajuan berdasarkan laporan kemajuan projek (sebagaimana yang patut dilaporkan melalui Laporan Awal Projek – *Inception Report* dan Laporan Kemajuan Projek – Interim); atau
- (b) Pertukaran skop atau spesifikasi projek tanpa kelulusan

KPT; atau

- (c) Berlaku konflik antara penyelidik dan syarikat sehingga menjejaskan pelaksanaan projek; atau
- (d) Syarikat tidak memberikan komitmen seperti yang dinyatakan dalam Nota Komitmen Syarikat dan MoA; atau
- (e) Projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh maksimum dua belas (12) bulan untuk projek berdurasi sembilan (9) bulan, atau 18 bulan untuk projek berdurasi satu (1) tahun; atau
- (f) Keadaan-keadaan lain yang boleh menjejaskan pelaksanaan projek.

5.7 Kawalan dan Penalti

5.7.1 Kawalan

- (a) PPP perlu memantau pelaksanaan projek berdasarkan surat tawaran projek serta Garis Panduan PPRN 2.0 dan prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan; dan
- (b) Sekiranya terdapat isu yang timbul semasa satu-satu projek dijalankan, PPP perlu memaklumkan status projek kepada KPT dengan kadar segera dan mengemukakan perancangan penyelesaian yang akan diambil sebelum

mengambil apa-apa tindakan.

5.7.2 Penyelidik boleh dikenakan penalti sekiranya:

- (a) tidak menghantar laporan awal, interim dan akhir (pada tarikh yang telah ditetapkan oleh KPT); atau
- (b) tidak mencapai objektif projek yang dipersetujui; atau
- (c) tidak menyelesaikan projek atas sebab-sebab yang tidak dinyatakan secara jelas dan tidak ada surat pemakluman kepada KPT melalui PPP; atau
- (d) berbelanja melebihi had atau membuat tuntutan selepas tamat tempoh penyelidikan atas kecuaiannya sendiri; atau
- (e) menukar skop tanpa kelulusan KPT; atau
- (f) tidak mematuhi perkara-perkara lain yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0.

5.7.3 Syarikat boleh dikenakan penalti sekiranya:

- (a) tidak memberikan komitmen seperti yang dipersetujui dalam Nota Komitmen Syarikat dan MoA; atau
- (b) tidak menghadiri bengkel pemantauan projek; atau

(c) tidak memberikan kerjasama kepada penyelidik dalam pelaksanaan projek; atau

(d) tidak mematuhi perkara-perkara lain yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0.

5.7.4 Antara tindakan penalti yang boleh dikenakan kepada penyelidik dan syarikat adalah seperti yang berikut:

(a) Sekatan terhadap perbelanjaan; atau

(b) Disenarai hitam dan tidak layak memohon geran PPRN bagi tempoh dua (2) tahun*; atau

(c) Penyelidik yang berbelanja melebihi had atau membuat tuntutan selepas tamat tempoh projek atas kecuaiannya penyelidik sendiri perlu membayar semula peruntukan yang telah dibelanjakan kecuali atas justifikasi yang telah diperakui oleh PPP; atau

(d) Projek boleh dihentikan; atau

(e) Nama penyelidik dan syarikat yang disenarai hitam akan dipaparkan di dalam *dashboard* Sistem Pengurusan PPRN yang boleh diakses oleh pengurusan tertinggi KPT dan digunakan untuk tujuan pemantauan dan rujukan ; atau

(f) Penalti-penalti lain yang akan ditentukan oleh KPT.

5.7.5 Sebarang pindaan dan penambahan penalti adalah tertakluk kepada keputusan KPT dari semasa ke semasa.

*Keputusan untuk menyenarai hitam syarikat atau penyelidik adalah secara *case by case basis*.

BAHAGIAN 6: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Bahagian ini menjelaskan peranan serta tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dengan pelaksanaan PPRN. Ini termasuklah Pusat Pengurusan Projek atau PPP; syarikat; penyelidik; dan kementerian. Menjadi kemestian untuk setiap daripada pihak yang terlibat memainkan fungsi masing-masing agar pelaksanaan projek di bawah PPRN dapat mencapai objektifnya dan membuahkan keberhasilan kepada negara.

6.1 Peranan dan Tanggungjawab PPP

- (a) Memastikan permohonan yang lengkap dibuat melalui sistem ePPRN;
- (b) Memastikan penyelidik dan syarikat memenuhi kriteria permohonan seperti yang dinyatakan dalam Perkara 2.1 dan 2.2 di Bahagian 2 dalam Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0;
- (c) Mewujudkan satu (1) kumpulan panel penilai dalaman mengikut kriteria yang ditetapkan oleh KPT seperti yang berikut:
 - i. Mempunyai kelayakan akademik Ijazah Doktor Falsafah (PhD); dan
 - ii. Mempunyai pengalaman bekerja di industri sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dan/atau mempunyai pengalaman melaksanakan projek kerjasama dengan industri; atau

- iii. Merupakan pakar dari industri dalam bidang berkaitan dengan projek.
- (d) Memastikan panel penilai dalaman membuat penilaian bagi perkara-perkara seperti yang berikut:
- i. Permohonan-permohonan projek baharu (penilaian panel dalaman IPT/PRI perlu dibuat melalui sistem ePPRN);
 - ii. Permohonan berkaitan projek seperti pelanjutan projek dan pindaan vot; dan
 - iii. Projek-projek bermasalah (rujuk perkara 5.6 di Bahagian 5 Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0).
- (e) Menguruskan penyediaan MoA projek. Antara perkara yang perlu dimasukkan di dalam MoA adalah seperti berikut:
- i. Pecahan dan tempoh bayaran komitmen syarikat dinyatakan secara jelas di dalam MoA; dan
 - ii. Bayaran komitmen oleh syarikat telah diselesaikan sepenuhnya sebelum uji penerimaan pengguna (*user acceptance test*- UAT) berkapasiti penuh dibuat oleh penyelidik di premis syarikat.
- (f) Memastikan projek dilaksanakan mengikut terma yang ditetapkan dalam surat tawaran projek;

- (g) Memastikan salinan laporan projek (sebagaimana Laporan Awal Projek – *Inception Report*; Laporan Kemajuan Projek – Interim; Borang Perakuan Serahan Hasil dan Laporan Akhir) dikemukakan kepada KPT mengikut tempoh yang ditetapkan dalam surat tawaran projek;
- (h) Mengemukakan laporan berkala mengenai status pelaksanaan projek dan baki peruntukan mengikut format yang disediakan (Laporan Status Projek IPT/PRI) kepada KPT sebelum atau pada 15 April, 15 Ogos dan 15 Disember;
- (i) Membuat pemantauan projek termasuk mengadakan lawatan tapak serta menghadiri mesyuarat berkaitan projek dan bengkel pemantauan projek;
- (j) Menguruskan dana pembiayaan PPRN sewajarnya mengikut pekeliling dan prosedur Perbendaharaan Malaysia yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan juga institusi.
- (k) Mempertimbang dan membuat keputusan bagi permohonan pelanjutan projek sehingga maksimum tiga (3) bulan;
- (l) Mempertimbang dan membuat keputusan bagi permohonan perubahan atau pindah vot;
- (m) Menguruskan isu teknikal dan perundangan berkaitan projek seperti penyerahan hasil projek mengikut terma rujukan yang ditetapkan dalam surat tawaran KPT serta isu-isu lain yang berkaitan;

- (n) Memastikan surat status projek diterima sebelum bayaran profesional penuh dibayar kepada penyelidik (seperti yang dinyatakan di perkara 5.2.3 di Bahagian 5 Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0);
- (o) Memastikan syarikat memberikan komitmen sewajarnya dalam pelaksanaan projek sebagaimana terma dan syarat yang dipersetujui;
- (p) Membenarkan KPT pada bila-bila masa menyemak akaun atau apa-apa dokumen berkaitan projek;
- (q) Menghantar maklumat berhubung projek yang terlibat dalam kes-kes di perkara 5.7.2 dan 5.7.3 di Bahagian 5 Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0 (Pindaan 2025) merangkumi maklumat projek; ketidakpatuhan yang berlaku; kronologi tindakan-tindakan yang telah diambil; serta dokumen sokongan kepada KPT untuk rekod dan tindakan lanjut;
- (r) Mengeluarkan surat amaran/tunjuk sebab bagi kes-kes di perkara 5.7.2 dan 5.7.3 Bahagian 5 Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0 (Pindaan 2025) terlebih dahulu kepada ketua penyelidik dan syarikat yang terlibat sebagai peringatan sebelum mengesyorkan kepada KPT untuk mengenakan tindakan penalti;
- (s) Sekiranya terdapat isu yang timbul semasa suatu projek dijalankan, PPP perlu memaklumkan status projek kepada KPT

dengan kadar segera dan mengemukakan perancangan penyelesaian yang akan diambil sebelum mengambil apa-apa tindakan;

- (t) Menguruskan perkara berkenaan harta intelek (jika berkaitan). Klausula berkaitan harta intelek (IP) perlu diperincikan secara jelas dalam MoA projek dan pembahagian pemilikan IP adalah tertakluk kepada persetujuan di antara IPT dan syarikat, dengan mengambil kira kepentingan Kerajaan dan IPT masing-masing;
- (u) Menguruskan perkara berkaitan aset/inventori dan menyatakannya dalam MoA projek;
- (v) Memastikan hasil projek yang diserahkan kepada syarikat tidak boleh dijual dan dipindah milik dalam masa dua (2) tahun selepas tarikh serahan projek bagi tujuan pemantauan prestasi projek. Perkara ini hendaklah dimasukkan dalam MoA projek;
- (w) Sekiranya hasil projek melibatkan aset/inventori, PPP perlu merekodkan kedudukan aset/inventori dan memaklumkan kepada Sekretariat PPRN lokasi aset/inventori tersebut apabila diperlukan;
- (x) Membantu KPT mempromosi dan mendapatkan penyertaan syarikat yang mempunyai permasalahan dalam sains dan teknologi; dan
- (y) Mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0 (Pindaan 2025).

6.2 Peranan dan Tanggungjawab Syarikat

- (a) Memastikan maklumat permohonan berkaitan syarikat diisi dengan lengkap melalui sistem ePPRN;
- (b) Menghadiri sesi pembentangan projek dan sesi penyerahan surat tawaran projek;
- (c) Memberikan komitmen pembiayaan sebagaimana yang dipersetujui dalam Nota Komitmen Syarikat dan MoA;
- (d) Memberikan maklumat berkaitan projek (sebagaimana Laporan Awal – *Inception Report*; Laporan Kemajuan - Interim dan Laporan Akhir) kepada penyelidik agar laporan dapat dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan dalam surat tawaran projek;
- (e) Memberikan kerjasama sewajarnya terhadap pelaksanaan projek termasuk akses fasiliti, premis dan maklumat berkaitan projek kepada penyelidik;
- (f) Memastikan hasil projek yang diserahkan tidak boleh dijual dan dipindah milik dalam masa dua (2) tahun selepas tarikh serahan projek bagi tujuan pemantauan prestasi projek. Perkara ini perlu dinyatakan dalam MoA projek;
- (g) Membenarkan KPT dan PPP IPT/PRI untuk melakukan lawatan tapak pada bila-bila masa;
- (h) Mengambil bahagian dalam kaji selidik oleh KPT atau pihak

tertentu yang dilantik untuk kajian produktiviti atau pengumpulan data berkaitan projek;

- (i) Memberikan sumbangan selain daripada komitmen kewangan kepada projek seperti mengambil pelajar untuk latihan industri, memberikan latihan kepada industri setempat dan menawarkan pekerjaan kepada pelajar yang terlibat. Klausula berkenaan sumbangan syarikat perlu dinyatakan dalam MoA projek;
- (j) Membenarkan KPT pada bila-bila masa menyemak akaun atau apa-apa dokumen berkaitan projek;
- (k) Menghadiri bengkel pemantauan projek yang diadakan oleh KPT; dan
- (l) Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada penyelidik dan KPT dengan mengisi Borang *Non Disclosure Agreement*.

6.3 Peranan dan Tanggungjawab Penyelidik

- (a) Memastikan maklumat permohonan berkaitan penyelidik diisi dengan lengkap melalui sistem ePPRN;
- (b) Menghadiri pembentangan projek dan sesi penyerahan surat tawaran projek;
- (c) Mengemukakan laporan projek (sebagaimana Laporan Awal –

Inception Report; Laporan Kemajuan – Interim; dan Laporan Akhir) kepada PPP dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum tarikh yang ditetapkan dalam surat tawaran projek supaya laporan projek dapat dikemukakan oleh PPP kepada KPT mengikut tempoh yang ditetapkan;

- (d) Menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (e) Menjalankan Uji penerimaan pengguna (*user acceptance test – UAT*) sebelum serahan projek;
- (f) Menyediakan manual atau SOP serta latihan untuk hasil projek yang diserahkan kepada syarikat;
- (g) Memastikan hasil projek ditambah baik dalam tempoh 60 hari daripada tarikh serahan projek sekiranya:
 - i. terdapat sebarang kerosakan ke atas sebahagian atau keseluruhan komponen; atau
 - ii. hasil projek tidak berfungsi.
- (h) Sentiasa memaklumkan syarikat tentang kemajuan projek;
- (i) Menghadiri bengkel pemantauan projek;
- (j) Menjaga kerahsiaan maklumat yang diperolehi daripada syarikat dan KPT dengan mengisi Borang *Non Disclosure Agreement*.

6.4 Peranan dan Tanggungjawab Kementerian

- (a) Menguruskan keperluan peruntukan dana PPRN di peringkat Kementerian tertakluk kepada prosedur dan pekeliling berkuat kuasa;
- (b) Membuat penyaluran peruntukan projek kepada PPP;
- (c) Menguruskan pelantikan dan melatih panel penilai;
- (d) Menguruskan pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal PPRN;
- (e) Menguruskan proses penyaringan, penilaian, kelulusan, penawaran dan status projek;
- (f) Menguruskan permohonan pelanjutan tempoh projek yang melebihi tiga (3) bulan untuk penilaian dan pertimbangan Jawatankuasa Teknikal Dana PPRN;
- (g) Menguruskan isu permohonan pelanjutan projek yang melebihi sembilan (9) bulan; tempoh maksimum tiga (3) bulan bagi syarikat mikro; dan tempoh maksimum enam (6) bulan bagi syarikat bersaiz kecil, sederhana dan besar; atau 18 bulan untuk pertimbangan Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN;
- (h) Menguruskan permohonan pertukaran skop/ spesifikasi, penambahan kos, pertukaran ketua penyelidik, dan pembelian peralatan yang tiada dalam kertas cadangan untuk

pertimbangan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal PPRN;

- (i) Menguruskan permohonan tambahan kos untuk pertimbangan Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN;
- (j) Memperkasa pangkalan data PPRN di bawah seliaan KPT;
- (k) Menguruskan isu-isu berkaitan penalti yang boleh dikenakan kepada syarikat dan penyelidik untuk pertimbangan Jawatankuasa Pengurusan Dana PPRN;
- (l) Menguruskan pelaksanaan bengkel pemantauan projek; dan
- (m) Mengadakan lawatan tapak projek atau intervensi (sekiranya ada keperluan); dan
- (n) Sekiranya terdapat isu yang timbul semasa satu-satu projek dijalankan, PPP perlu memaklumkan status projek kepada KPT dengan kadar segera dan mengemukakan perancangan penyelesaian yang akan diambil sebelum mengambil apa-apa tindakan. KPT perlu mengambil tindakan yang bersesuaian dengan mengambil kira kepentingan kerajaan.

PEMAKAIAN DAN PENGUATKUASAAN

Garis Panduan Bilangan 1 Tahun 2025 berkenaan dengan Pelaksanaan Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (*Public-Private Research Network – PPRN*) 2.0 ini terpakai kepada semua IPT, PPP, dan Syarikat/Penyelidik yang mengambil bahagian dalam projek PPRN, berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan terpakai hingga dibatalkan, melainkan jika terdapat arahan terkini atau perkembangan baharu yang memerlukan dikaji semula. Selaras dengan itu, Garis Panduan PPRN 2.0 Bil. 1 Tahun 2022 adalah terbatal.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini boleh dikemukakan kepada:

Sekretariat PPRN

Seksyen Penyelidikan dan PPRN

Bahagian Dasar dan Penyelidikan

Kementerian Pendidikan Tinggi, No. 2, Menara 2

Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya.

Nombor Tel.: 03-8870 6000 samb. 6143 / 5095 / 5102

Laman web: www.mohe.gov.my

E-mel: pprn@mohe.gov.my


GLOSARI


Tafsiran istilah-istilah berikut digunakan dalam konteks penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan PPRN 2.0 ini.

BIL.	PERKARA	PENERANGAN
1.	Hasil projek	Merangkumi proses/sistem/formulasi yang dibangunkan oleh penyelidik untuk menyelesaikan permasalahan syarikat
2.	IPT/PRI	IPT merujuk kepada Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta. PRI merujuk kepada Institusi Penyelidikan Awam.
3.	Kementerian (KPT)	Kementerian Pendidikan Tinggi
4.	Memorandum Perjanjian (MoA)	Perjanjian yang perlu dibuat di antara Syarikat dan IPT/PRI
5.	Nota Komitmen Syarikat	Borang PPRN-2 yang menyatakan peringkat pembayaran komitmen syarikat kepada IPT/PRI
6.	Pegawai/Pembantu Penyelidik	Pegawai/Pembantu Penyelidik boleh terdiri daripada individu yang dibayar upah secara harian atau bulanan
7.	Pusat Pengurusan Projek (PPP)	Pusat yang bertanggungjawab menguruskan projek PPRN di IPT/PRI
8.	Syarikat	Merujuk kepada Syarikat dan Perniagaan
9.	Syarikat <i>Start-up/Spin Off</i>	Syarikat yang baru dibuka serta dalam fasa pembangunan dan penyelidikan untuk mencari dan menembusi pasaran

LAMPIRAN A

CARTA ALIR PELAKSANAAN PPRN





LAMPIRAN B

KATEGORI SAIZ SYARIKAT

SEKTOR	NILAI HASIL JUALAN TAHUNAN			
	MIKRO	KECIL	SEDERHANA	BESAR
Pembuatan	< RM300,000	RM300,000 hingga < RM15 juta	RM15 juta hingga ≤ RM50juta	> RM50juta
Perkhidmatan dan lain-lain sektor	< RM300,000	RM300,000 hingga < RM3 juta	RM3 juta hingga ≤ RM20 juta	> RM20 juta

LAMPIRAN C

SENARAI SEMAK KATEGORI BERDAYA SAING DAN BERDAYA MAJU

Berikut ialah senarai semak bagi menentukan kategori syarikat yang berdaya saing dan berdaya maju:

1. Syarikat perlu mempunyai peruntukan/memberi pembuktian yang secukupnya untuk membiayai projek.
2. Mempunyai premis perniagaan yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan/Pusat Inkubator yang berdaftar dengan agensi.
3. Mempunyai penyata bank/laporan kewangan beraudit/akaun syarikat.
4. Mempunyai fasiliti untuk pengeluaran produk.
5. Menyertakan *Business Model Canvas*

☐☐☐☐☐

LAMPIRAN D

SENARAI BORANG

1. Borang PPRN – 1 (Borang Permohonan)
2. Borang PPRN – 2 (Nota Komitmen Syarikat)
3. Borang PPRN – 3 (Laporan Awal Projek – *Inception Report*)
4. Borang PPRN - 4 (Laporan Kemajuan Projek – Interim)
5. Borang PPRN – 5 (Laporan Akhir Projek)
6. Borang PPRN – 6 (Serahan Hasil Projek)
7. Borang PPRN – 7 (*Non-Disclosure Agreement Form*)
8. Borang PPRN – 8 (Laporan Status Projek IPT/PRI)